

# Unit Hal Ehwal Islam UMS anjur Majlis Berkhatan 7 Disember

UB 1.11.2013 B2

KOTAKINABALU: Unit Hal Ehwal Islam Dan Masjid Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan majlis berkhatan UMS 2013 dengan kerjasama Pusat Zakat Sabah Dan Persatuan Kebajikan Islam Perubatan Sabah pada 7 Disember 2013 di Masjid UMS.

Penyelaras Program, Ustazah Noorisah Taljid berkata program pada tahun ini adalah program kali ketiga yang telah diadakan di UMS.

Katanya majlis itu bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada ibubapa kakitangan menghantar anak-anak mereka berkhatan di UMS yang bersesuaian dengan bajet pada ketika ini.

Beliau berkata ianya juga dapat memberikan khidmat kesihatan yang pelbagai seperti pemeriksaan kesihatan percuma, pameran kesihatan dan kempen kesihatan dan gaya hidup



FAZELAH

sihat di samping merapatkan hubungan antara warga UMS, penganjur program dan penyelia khidmat perubatan.

"Ia juga dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran warga UMS khususnya mengenai kepentingan menjaga kesihatan dan risiko-risiko apabila mengabaikannya," katanya.

Sementara itu, pengurus program, Ustazah Noor Fazelah Salimin berkata sasaran utama program itu



NOORISAH

ialah anak-anak kakitangan UMS, mahasiswa serta pelajar-pelajar yang tinggal di sekitar Kota Kinabalu.

Noor Fazelah berkata mereka yang berminat bolehlah menghubungi beliau di Masjid UMS atau datang terus ke pejabat Masjid UMS pada waktu pejabat dengan menyertakan yuran sebanyak RM50.

Majlis perasmian program itu dijangka disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.